

14/10/2003

60 peratus pelajar ikuti bidang sains 2008

Mohd Feroz Abu Bakar

KEMENTERIAN Pendidikan menjangka mencapai matlamat 60 peratus pelajar sekolah menengah dan universiti mengikuti jurusan sains dan teknologi (S&T) pada 2008, iaitu dua tahun lebih awal daripada sasaran.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, berkata jangkauan itu berdasarkan kerjasama penuh guru dan pencapaian cemerlang pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris sejak awal tahun ini.

Katanya, guru memainkan peranan amat penting bagi melaksanakan dasar kerajaan, terutama pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dan tumpuan bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris.

"Kementerian Pendidikan mendapati guru Sains dan Matematik tingkatan satu dan enam rendah memberi kerjasama amat baik dan berusaha gigih menyampaikan kandungan dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

"Begitu juga penekanan kerajaan menerusi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pelajar sentiasa meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa antarabangsa itu.

"Kerjasama terbaik yang ditunjukkan guru dan kesungguhan pelajar mencapai keputusan cemerlang memberi keyakinan bahawa kita akan mencapai sasaran, iaitu 60 peratus pelajar mengikuti jurusan S&T pada 2008," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan amanat kepada 30 pelajar dari 17 institusi pengajian tinggi awam yang akan mengikuti lawatan sambil belajar 13 hari ke New Zealand, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, Geoff Randal dan Ketua Delegasi yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi Mara, Prof Dr Nasarudin Othman.

Lawatan kali keempat itu dianjurkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan dan peserta dipilih berdasarkan kecemerlangan akademik serta kepemimpinan.

Abdul Aziz berkata, semua agensi dan kakitangan kerajaan mesti memberi kerjasama penuh bagi menjayakan setiap dasar yang dirancang Kementerian Pendidikan.

"Apabila ada idea baru, kita tidak boleh melupakan perancangan pembuat dasar sebelum ini kerana semua perancangan kerajaan adalah untuk kebaikan rakyat keseluruhan.

"Jadi, meskipun Dr Mahathir akan bersara tidak lagi, kita mesti meneruskan penekanan beliau supaya semua pelajar menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan mengikuti S&T.

"Penguasaan pelajar dalam ilmu ini amat penting untuk kita mencapai matlamat negara maju seperti negara maju lain yang rakyatnya menguasai bidang S&T," katanya.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa agensi kerajaan menentukan hala tuju S&T bagi membantu pelajar Bumiputera menguasai bidang berkenaan.

Abdullah berkata, penguasaan pelajar Bumiputera dalam S&T kini pada tahap membimbangkan kerajaan.